

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 08/04/2008

Temukan Pak Lah dan Mahathir UM- 8/4/2008

PUTRAJAYA 7 April - Veteran UMNO diminta melakukan inisiatif mempertemukan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Tun Dr. Mahathir Mohamad bagi menamatkan perang mulut yang merugikan semua pihak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata, banyak pihak kini berpendapat kritikan berterusan sangat merugikan, justeru veteran parti termasuk bekas menteri UMNO ha-

rus mengambil inisiatif menanganinya.

Beliau turut mengambil kira pandangan veteran UMNO, Tan Sri Sanusi Junid bahawa sebarang teguran terhadap Dr. Mahathir hendaklah datang daripada pemimpin senior dalam parti.

"Justeru jika ada usaha untuk mempertemukan kedua-dua pemimpin ini, inisiatif harus dimulakan oleh veteran UMNO dan pernah menjadi menteri Kabinet," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditanya

adakah perlu satu usaha untuk menemukan Perdana Menteri dengan Dr. Mahathir bagi menamatkan kritikan berterusan terhadap kepimpinan Abdullah.

Semalam, dalam majlis penjelasan Presiden parti di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di ibu negara, Abdullah secara terbuka menjawab segala kritikan yang dilemparkan oleh Dr. Mahathir dan Tengku Razaleigh Hamzah setelah sekian lama mengambil sikap meniadakan diri.

Menurut Ahmad Zahid, pihaknya akan meniadakan diri selepas ini iaitu tidak lagi melontarkan perkara yang berasaskan kepada hasratnya untuk menjawab kritikan-kritikan Dr. Mahathir terhadap kepimpinan parti.

"Saya mencari kaedah damai abadi," katanya yang berharap sebarang usaha yang dilakukan oleh veteran UMNO bagi menyelesaikan kemelut Abdullah-Dr. Mahathir akan menghasilkan natijah yang baik.